

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## UNSUR YANG MEMBENTUK METAFORA DALAM BIAU

### THE ELEMENTS THAT FORM METAPHOR IN BIAU

Jessica Dato \*<sup>1</sup>, Rosline Sandai <sup>2</sup>, Taufik Dermawan <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Semop Secondary School, Daro, Sarawak, Malaysia. Email: [jessicaajik@gmail.com](mailto:jessicaajik@gmail.com)

<sup>2</sup> Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.  
Email: [rosline@fbk.upsi.edu.my](mailto:rosline@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Indonesian Languages and Literature, Malang State University, Indonesia.  
Email: [taufik.dermawan.fs@um.ac.id](mailto:taufik.dermawan.fs@um.ac.id)

\*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/87>

### Abstract

*Biau* is a traditional Iban poem of invocational categories related to the ritual of performing rituals to summon *Petara* (the gods). The metaphorical language is used by *Lemambah* (ritual practitioner) to convey the message to *Petara* to be more attractive and polite. This study aims to analyze the elements that make up the metaphor in the biosphere structure. Based on the qualitative approach, the descriptive method was used to study the three biases taken from the book *Sampi Enggau Biau*. Content analysis is used to analyze the elements that make up the metaphor in a biased structure. The findings show that the elements that form the metaphor in the biosphere structure are based on living things, non-living things and nature that are adapted to the life of the Iban people. These elements are used to express traditional heritage, presence of entity or spirit, presentation of ritual (piring), types of chickens, strength of chickens, guest character present in plate presentation and natural beauty. life and nature in metaphorical metaphors add practitioner knowledge of the language skills of traditional poetry.

**Keywords:** traditional poetry, metaphorical elements, living things, non-living things, nature

### Abstrak

*Biau* merupakan puisi tradisional kaum Iban kategori invokasi yang berkaitan dengan upacara persembahan ritual untuk menyeru *Petara* (dewa-dewi). Bahasa kiasan digunakan oleh *Lemambah* (pengamal ritual) untuk menyampaikan mesej kepada *Petara* supaya lebih menarik

dan menunjukkan kesopanan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biao*. Berasaskan pendekatan secara kualitatif, kaedah deskriptif digunakan untuk mengkaji tiga buah *biao* yang diambil daripada buku *Sampi Enggau Biao*. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biao*. Dapatkan kajian menunjukkan unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biao* terdiri daripada berteraskan benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang disesuaikan dengan kehidupan kaum Iban. Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu yang hadir ke persembahan sajian piring dan keindahan alam. Implikasi kajian ini menunjukkan penggunaan unsur benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi dalam bahasa kiasan metafora menambahkan pengetahuan pengamal tentang kemahiran berbahasa untuk puisi tradisional.

**Kata kunci :** puisi tradisional, unsur metafora, benda hidup, benda bukan hidup, alam semula jadi

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1<sup>th</sup> April 2020, revised 24<sup>th</sup> April 2020, accepted 10<sup>th</sup> May 2020

## Pengenalan

*Biao* merupakan puisi tradisional kaum Iban dalam kategori Invokasi. Invokasi merupakan permohonan, biasanya kepada Tuhan, untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan (Tana Showren, 2014)<sup>1</sup>. *Biao* digunakan dalam upacara kesyukuran untuk meminta keberkatan (Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001)<sup>2</sup>. Selain itu, *biao* digunakan untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu yang datang ke rumah panjang untuk mengelakkan malapetaka berlaku kepada rumah panjang melalui mimpi atau burung *Khinatan* (James Jemut Masing, 1981)<sup>3</sup>.

*Biao* disampaikan melalui upacara *miring*. Gambaran tentang kosmos dapat dihubungkan dengan persembahan sajian (*piring*) yang diamalkan oleh orang Iban (Zeppel, 1994)<sup>4</sup>. *Piring Bedara* ialah upacara ritual bagi orang Iban. *Bedara ialah* upacara ritual korban untuk mengutuskan permintaan kepada *Bunu Petara* (golongan Dewa-dewi) (James Jemut Masing, 1981)<sup>3</sup>. *Piring Gawai Tuah* pula ialah persembahan sajian diiringi dengan *biao* untuk *Petara Anda Mara* (Dewa Kekayaan). *Biao Piring* ialah upacara *miring* kepada *Petara* (Dewa-dewi) orang Iban seperti *Senggalang Burung, Raja Sempulang Gana* dan *Selampandai*.

## Pernyataan Masalah

*Biao* merupakan amalan dan kepercayaan tradisional yang diamalkan oleh orang Iban untuk memohon keberkatan dan kesejahteraan hidup di rumah panjang. Namun demikian, amalan tradisi ini menjadi semakin terpinggir disebabkan orang Iban yang telah menganuti kepercayaan lain seperti Kristian. Keadaan ini juga telah mengubah kepercayaan tradisi kaum Iban (Asmah Haji

Omar, 1981)<sup>5</sup>. Perkembangan bidang ilmu pengetahuan sejak penjajahan Barat hingga kini turut mengubah cara berfikir kaum Iban untuk mempercayai atau menolak kepercayaan tradisi (Empiang Jabu, 1989)<sup>6</sup>. Sandai, Anna Christina Abdullah dan Palmer (2013)<sup>7</sup> juga menyatakan bahawa pengajaran formal di sekolah juga tidak menerapkan secara menyeluruh tentang pengamalan dan pemahaman puisi tradisional kepada generasi muda. Dalam pada itu, *biau* perlu dilafazkan dengan kebolehan menggunakan bahasa dalam dan kepakaran tentang kosmos Iban. Walau bagaimanapun, populasi golongan yang arif dalam melafazkan  seperti *Lemambang* (Pengamal Ritual) kini semakin berkurangan. Tambahan pula, generasi kini sukar untuk memahami menyampaikan dan mengetahui maksud yang terdapat dalam *biau* (Sandai, 2015)<sup>8</sup>. Penggunaan lapisan bahasa juga telah menjadi satu kesukaran kepada golongan muda terutama dalam pengajaran di sekolah untuk memahami maksud yang terdapat dalam *biau* (Sandai, Che Ton Mahmud dan Sandai, 2017)<sup>9</sup>.

## Objektif Kajian

Objektif yang mendasari kajian ini ialah menganalisis unsur-unsur yang membentuk metafora dalam *biau*. Unsur-unsur tersebut ialah merangkumi unsur benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang menjadi sebahagian dalam kehidupan masyarakat Iban.

## Tinjauan Literatur

Sastera dan tradisi lisan orang Iban meliputi cerita dongeng, foklor, legenda dan mitos (Chemaline Osup, 2019)<sup>10</sup>. Bahasa kiasan ialah penyusunan kata untuk menterjemahkan fikiran dengan menghubungkaitkannya kepada sesuatu yang lain (Asmah Haji Omar, 2005)<sup>11</sup>. Sehubungan dengan itu, metafora banyak digunakan dalam karya agung sebagai bahasa kiasan untuk menggambarkan pemikiran dan idea manusia (Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah, 2013)<sup>12</sup>. Sehubungan dengan itu, bahasa kiasan yang digunakan dan puisi tradisional menjadi wahana pemikiran dan kognitif seseorang yang diluahkan melalui bahasa pengucapan (Wong Shia Ho, 2013)<sup>13</sup>. Ungkapan yang digunakan dalam karya novel mengandungi unsur bahasa kiasan metafora mempunyai interaksi dan hubungan manusia dengan alam sekeliling (Idrus, 2015)<sup>14</sup>. Bahasa kiasan menjadi bahasa ungkapan kerana setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri (Midiyana dan Mohammad Fadzeli, 2015)<sup>15</sup>. Pendapat ini berbeza dengan Rozaimah Rashidin (2015)<sup>16</sup> bahawa faktor persekitaran kognitif dan pengalaman yang berbeza dari aspek budaya dan adat resam telah mewujudkan kepelbagaian metafora dalam teks tradisional. Penggunaan bahasa kiasan menunjukkan penggunaan bahasa lisan dan pemilihan kata yang sesuai sebagai kiasan dalam mantera mewujudkan tujuan tertentu kepada pengamalnya (Muhammad Natsir et al, 2016)<sup>17</sup>

Bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej dalam puisi tradisional Iban supaya penyampaiannya lebih menarik dan menunjukkan kesopanan semasa menyampaikan mesej kepada *Petara* (Saripah Banseng dan Sandai, 2017)<sup>18</sup>. Di samping itu, keserasian unsur bahasa kiasan metafora memperlihatkan pelbagai maklumat seperti budaya, gaya pemikiran dan sudut pandangan sesebuah masyarakat (Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran-Ho Abdullah, 2017)<sup>19</sup>. Dalam pada itu, gaya bahasa kiasan merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan pengarang untuk menyampaikan idea dalam penulisannya (Siti Norashikin, Nor Azuwan dan Zaitul Azma, 2017)<sup>20</sup>. Bahasa kiasan metafora juga memberi gambaran makna tersirat tentang sifat manusia (Aini Hj Karim dan Muhammad Fadllah Hj Zaini, 2017)<sup>21</sup>.

Penggunaan unsur alam dipercayai mempunyai hubungan erat antara alam sekeliling iaitu melalui konsep benda hidup iaitu flora dan fauna yang mempunyai makna tersirat dan tersurat yang hendak disampaikan (Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim dan Nur Yuhanis Mohd Nasir, 2017)<sup>22</sup>. Keadaan ini memperlihatkan tentang keindahan sesuatu bahasa sebagai ungkapan dalam menyampaikan mesej melalui *biau*.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara deskriptif. Kualitatif digunakan untuk menerangkan secara mendalam bagi mencapai sesuatu objektif penyelidikan (Othman Lebar, 2017)<sup>23</sup>. Melalui analisis dan penelitian teks  bahasa kiasan dapat dikenalpasti daripada teks yang telah diterjemahkan oleh *Lemambang* (pengamal ritual). Secara etimologi, metafora berasal dari bahasa Yunani yang membawa maksud ‘memindahkan’ (Cruse, 2004: 198)<sup>24</sup>. Unsur membentuk bahasa kiasan metafora dalam *biau* dianalisis berdasarkan Teori Konseptual Metafora (Lakoff dan Turner, 1980)<sup>25</sup>. Berdasarkan teori tersebut, wujud hubungan antara bahasa, fikiran dan pengalaman untuk membentuk struktur konseptual yang kompleks. Berdasarkan teori ini, unsur alam dan bukan alam merupakan lambang yang digunakan dalam pembentukan bahasa kiasan metafora *biau*. Dengan erti kata lain, ranah sumber (*source domain*) digunakan manusia untuk memahami konsep abstrak dalam ranah sasaran (*target domain*) (Lakoff dan Johnson, 1980)<sup>26</sup>. Konteks alam dan budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora menjadikan teks data mudah dikenal pasti.

## Dapatkan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan bahasa kiasan dalam *biau* adalah banyak menggunakan unsur metafora berteraskan benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi. Unsur benda hidup digunakan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) untuk menggambarkan sesuatu perkara di samping mengindahkan bahasa yang digunakan semasa menyampaikan *biau*. Orang Iban juga mempercayai unsur benda hidup dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh itu, penggunaan unsur benda hidup saling berkaitan dengan alam sekeliling pengamal *biau*. Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu yang hadir ke persembahan sajian piring dan keindahan alam. Berikut merupakan penerangan unsur bagi setiap bahasa kiasan yang dikenal pasti dalam struktur *biau*.

## Warisan Tradisi

Sebelum membuat permohonan, pengamal membuat pendakwaan diri dengan menyatakan mereka mewarisi amalan sampi mengikut adat secara tradisi yang diturunkan dari nenek moyang zaman berzaman. Contoh bahasa kiasan yang digunakan ialah ‘Nyulur mih aku tu baka paku ke tumbuh enda dibaja’, (suburlah aku seperti paku pakis yang tumbuh tidak dibaja), ‘Besumbuk mih aku tu baka kantuk daun rinda’, (Tumbuh pucuk berdaun lebat). Gaya bahasa kiasan langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal berbeza tanpa menggunakan kata-kata perbandingan kepada unsur alam dan bukan alam (Deignan, 2005)<sup>27</sup>. Oleh hal yang demikian, *Lemambang* (pengamal ritual) menggunakan lambang alam semula jadi sebagai lambang mewarisi amalan *biau*.

## Kehadiran Entiti/Roh

Persembahan sajian *piring* diiringi dengan lafaz *biau* bertujuan untuk menjemput *Petara* (Dewa-dewi) serta entiti dan roh supaya turut serta dalam persembahan tersebut. Bahasa kiasan juga dapat memberi gambaran makna tersirat tentang sifat manusia (Aini Hj Karim dan Muhammad Fadzllah Hj Zaini, 2017)<sup>21</sup>. Oleh itu, pengamal *biau* menggunakan bahasa kiasan yang berunsurkan benda hidup dan alam semula jadi. Entiti atau roh yang dijemput disampaikan seperti '*Dara meraya kumang Melisa bunsu leka pinang belubang*' (Dara bernama Kumang Melisa saudara buah pinang berlubang), '*Endu Tematu Tali betabu bunsu telu indu manuk kepayang*' (Endu Tematu Tali Bertabu saudara telur ayam kepayang), '*Bunsu sirih siduk betumbuk pun takang*' (Saudara daun sirih yang ditumbuk dengan batang) membawa maksud entiti atau roh tersebut diibaratkan dengan alam.

## Persembahan Sajian (Piring)

Bahasa kiasan metafora juga digunakan untuk menyampaikan persembahan sajian (piring) yang disediakan semasa mengamalkan *biau*. Upacara persembahan ritual dilakukan sebagai meminta *Petara* (Dewa-dewi) memberi perlindungan sepanjang perjalanan mereka mencari kekayaan dan kebahagiaan (Freeman Derek, 1970)<sup>28</sup>. Oleh itu, kaum Iban membuat persediaan bahan yang digunakan sebelum persembahan sajian sehingga mengibaratkan persembahan tersebut '*Piring pulut piring letup*' (Persediaan nasi pulut dan bertih jagung), '*Piring penganan piring penyaram*' (Persediaan kuih penyaram). Bahasa kiasan metafora tersebut melambangkan pelbagai bahan yang disediakan untuk *Petara* (Dewa-dewi) semasa persembahan sajian *piring*.

## Jenis ayam

Ayam jantan dipercayai oleh orang Iban dapat menghindari malapetaka dan mimpi buruk atau *Omen*. Orang Iban juga mempercayai ayam yang pelbagai jenis mempunyai kuasa luar biasa dan kekuatan berbeza. Hal ini demikian, orang Iban mempunyai pengalaman dalam aktiviti laga ayam. Oleh itu, mereka dapat mengetahui pelbagai jenis ayam yang sesuai digunakan semasa melafazkan *biau* dalam persembahan sajian piring. Penggunaan unsur alam dipercayai mempunyai hubungan erat antara alam sekeliling iaitu melalui konsep benda hidup iaitu flora dan fauna (Muhamad Fadzllah Hj Zaini, 2015)<sup>29</sup>. Ayam yang digunakan seperti '*Manuk labang sematung tapang*', '*Manuk jelayan manuk ensiriban*', '*Manuk papit manuk kunchit*', '*Manuk engkechung manuk tuntung*' dan '*Manuk banda manuk bekaka*' selanjau manuk tawai tu, selanjau manuk sabung, selanjau manuk tuntung iku bekelapung betugang labang, manuk biring manuk menaning, membawa maksud pelbagai jenis ayam digunakan seperti ayam putih, ayam sabung dan ayam serama.

## Kekuatan ayam

Ayam yang digunakan oleh pengamal *biau* semasa melafazkan *biau* dalam persembahan sajian piring juga digambarkan dengan unsur bahasa kiasan metafora. Kekuatan ayam dalam menyampaikan *biau* diibaratkan seperti '*Peda kita bulu manuk ke dipegai aku tu nyau nyelalai iku beiku besi*' (Lihatlah bulu ayam yang dipegang ini seperti besi), '*Iku manuk kelabu nyau merundu*

*umba rumbai* '(Ekor ayam kelabu seperti bergerak-gerak), '*Peda bulu manuk pipit antu chukup lagu ngarungka rekung*' (Lihatlah bulu ayam pipit penuh menyelaputi leher). Faktor persekitaran kognitif dan pengalaman yang berbeza dari aspek budaya dan adat resam (Rozaimah Rashidin, 2015)<sup>16</sup>. Orang Iban yang menggambarkan kekuatan ayam semasa persembahan sajian *piring* telah mewujudkan kepelbagaiannya metafora dalam penyampaian struktur *biau*.

### Perwatakan Tetamu yang Hadir ke Persembahan Sajian *Piring*

Tradisi lisan kaum Iban amat menitikberatkan kepercayaan kepada *Petara* (Dewa-dewi) kerana *Petara* dapat memberi kesejahteraan hidup kepada mereka (Sandin, 1980)<sup>30</sup> dan (James Jemut Masing, 1989)<sup>31</sup>. Kepercayaan ini diamalkan melalui persembahan sajian atau *piring* untuk menghubungkan orang Iban dengan *Petara* (Steven Beti Anom, 2014)<sup>32</sup>. Manusia mempunyai gambaran kosmos atau alamnya sendiri mengikut kepercayaan yang diperturunkan dari zaman nenek moyang (Asmah Haji Omar, 2012)<sup>33</sup>. Begitu juga dengan orang Iban yang percaya tentang kewujudan kosmos kepada *Petara* melalui persembahan sajian *piring*. *Petara* dalam budaya orang Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang mempunyai fungsi dan kuasa mengikut hubungannya dengan manusia (Freeman, 1970)<sup>28</sup>. Pengamal ritual menggambarkan perwatakan tetamu yang datang dengan bahasa kiasan seperti '*dada udah dijala kemija baju bungai*' (Dada sudah dipakaikan dengan baju kemeja berbunga), '*raban pengendang sarang pinang*' (Membawa sarang pinang), '*Kita nya agi tinggi di suli tanduk labung*' (Kamu yang masih dihormati dan disegani ramai), '*kita nya di awak panau pabung*' (Kamu yang dikenali ramai), '*Embing bunsu telanjing datai ari tekenching panchur wong*' (Datang dari keluarga yang berada), yang membawa maksud memuji kelengkapan dan persediaan yang dibuat untuk menghadiri persembahan sajian tersebut.

### Keindahan alam

*Petara* (Dewa-dewi) dalam budaya orang Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang terdiri daripada burung, tanah, air, dan pokok (Freeman, 1970)<sup>28</sup>. Unsur benda hidup digunakan oleh *Lemambah* (Pengamal ritual) untuk menggambarkan sesuatu perkara di samping mengindahkan bahasa yang digunakan semasa menyampaikan *Biau*. Orang Iban juga mempercayai unsur benda hidup dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh itu, penggunaan unsur benda hidup saling berkaitan dengan alam sekeliling pengamal *biau*. Pengamal *biau* menyatakan keindahan alam semasa menyampaikan teks *biau* seperti '*baka lamba tapang mikai*', '*Tumbuh di entigis ulu sungai benyawa rengai-rengai*', '*munyi nyawa enturun ruding*', '*munyi nyawa enturun ruding, tekenching panchur wong, sawa tampung tedung*', '*kebung pagar bintang, penama bulan kembung, letup penangkup bungai kejumpang, tuchung rabung bukit lingga, betuchung baka bukit bekebung baka langit, tekusai munyi maning*' membawa maksud alam sekeliling dikaitkan dengan perkara yang ingin disampaikan kepada tetamu yang datang ke persembahan sajian *piring*.

### Rumusan

Kajian mendapat terdapat unsur membentuk metafora dalam struktur persembahan sajian (*piring*) dalam *biau* adalah berlandaskan unsur alam dan bukan alam seiring dengan kehidupan dan budaya tradisi orang Iban. Struktur metafora ialah dari domain sumber ke domain sasaran (Lakoff dan Turner, 1980; Xu Yang, 2015)<sup>25,34</sup>. Sistem konseptual dalam metafora untuk memberi

perlambangan kepada sesuatu objek atau perkara melalui ungkapan bahasa (Croft dan Cruse, 2004)<sup>24</sup>. Fungsi kognitif metafora ialah gaya bahasa kiasan langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal berbeza tanpa menggunakan kata-kata perbandingan kepada unsur alam dan bukan alam (Deignan, 2005)<sup>27</sup>.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, ketiga-tiga puisi biau banyak menggunakan unsur metafora berteraskan unsur alam berbanding unsur bukan alam. Justeru, unsur metafora sebagai medium untuk meluahkan perasaan, perbandingan sifat atau perlakuan dan tingkah laku manusia(Muhammad Fadzllah Hj Zaini, 2015)<sup>29</sup>. Unsur yang membentuk metafora dalam struktur persembahan sajian piring dalam biau menjadi bahasa ungkapan. Midiyana dan Mohammad Fadzeli (2015)<sup>15</sup> menyatakan unsur metafora menjadi bahasa ungkapan kepada penulis atau pengarang dalam beberapa hasil karya sastera kerana setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri.

Dalam pada itu, kajian turut menyokong idealogi Siti Norashikin, Nor Azuwan dan Zaitul Azma (2017)<sup>20</sup> bahawa unsur bahasa kiasan merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan untuk menyampaikan idea. Oleh itu, penggunaan unsur benda hidup saling berkaitan dengan alam sekeliling pengamal *biau*.Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu bahasa kiasan yang dikenal pasti dalam struktur *biau*.

### Rujukan :

1. Tana Showren. (2014). Oral traditions: Method to adoption of construction of the history of non-literate tribes. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 4, No. 6, 478-481.
2. Robert Menua Salleh & Janang Ensiring (2001). *Sampi Enggau Biau*. Kuching: Tun Jugah Foundation. Kuching.
3. James Jemut Masing. (1981). *The Coming of The Gods*. Australia. Australian National University.
4. Zeppel H.D. (1994). Authenticity and the Iban: Cultural Tourism at Iban Longhouses in Sarawak, East Malaysia. PhD Thesis. Australia. James Cook University.
5. Asmah Haji Omar. (1981). *Iban Language of Sarawak: Grammatical Description*. Pustaka Universiti Pendidikan Sultan Idris.
6. Empiang Jabu. (1989). Historical Perspective of Iban. Sarawak Museum Journal. XL:61, 21-32.
7. Sandai, R., Christina, A., & Palmer, G. (2013). Enhancing Iban Children's Emergent Literacy and Cultural Awareness Through Traditional Literature. *International Journal of Early Childhood Education and Care*, Volume 2(1), 25–37.
8. Sandai, R. (2015). *Survey on Problems Faced by Iban Language Secondary School Teachers*. Penyelidikan dalam Bidang Bahasa dan Sastera: Melestarikan Dunia Pendidikan Global. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
9. Sandai. R., Che Ton Mahmud & Sandai, D. (2017). An Intregated Pedagogy for Teaching Sung & Chanted Iban Traditional Poems (Leka Main). USA: Association for Advancement of Computing in Education.
10. Chemaline Anak Osup. (2019). The oral literature of the iban in Borneo. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 132-140.

11. Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. PENDETA-Jurnal Peradaban Melayu, Vol 3 dalam [Penerbit.upsi.edu.my/website\\_ejurnal/jurnal%20site/.../bab1.html](http://Penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/.../bab1.html)
12. Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora Kasih dalam Karya Agung Melayu : Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik Vol.*, 17(1), 19–28.
13. Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran : Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa, Volume 13*(1), 39–63.
14. Idrus. (2015). Metafora Deskripsi Fisik Tokoh Wanita dalam Novel. *Jurnal Puitika*, 11(1), 74–81.
15. Midiyana Mohamad & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). GEMA Online® *Journal of Language Studies* Volume 15(2), 137-150.
16. Rozaimah Rashidin.(2015). Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*. 19(1), 29–47.
17. Muhammad Natsir, Amrin Saragih, Silvana Sinar & Robert Sibarani (2016). Mantra for Disease Treatment (Physical) And Its Text Meaning In Tanjung Pura, Langkat, North Sumatera. *European Journal of English Language and Literature Studies*, 4(4), 1–20.
18. Saripah Banseng & Sandai, R. (2017). Unsur Bahasa Kiasan Metafora dalam Sampi Iban. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. Jilid 8*, 116-121.
19. Suziana Mat Saad, NorHashimah Jalaluddin., & Imran-Ho Abdullah. (2017). Kehidupan Adalah Perjalanan : Analisis Metafora Konseptual Dalam Salina Dan La Vie Devant Soi. *Akademika*, 87(April), 189–205.
20. Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna Siratan Bahasa Figuratif Dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 75–94
21. Aini Hj Karim & Muhamad Fadzllah Hj Zaini. (2017). Analisis Metafora Konsepsi Kemuliaan Manusia Dalam Syair Nasihat Nukilan Sultan Haji Omar “Ali Saifuddien Sa”Adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam Ke – 28 : Perspektif Awalan Semantik Kognitif. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5(1), 1–16.
22. Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim & Nur Yuhanis Mohd Nasir. (2017). PENDETA *Journal of Malay Language, Education and Literature. Jilid 8*, 23-36.
23. Othman Lebar. (2017). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode. Edisi-2. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
24. Croft, W., & Cruse, D. A. (2004). Cognitive Linguistics. *Cognitive Linguistics*, 3(2), 15-356.
25. Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphor We Live By*. Chicago. The University of Chicago Press.
26. Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). Conceptual Metaphor in Everyday Language. *The Journal of Philosophy*. Vol.77(8), 453-486.
27. Deignan, A. (2005). *Metaphor & Corpus Linguistik*. Armsterdam. John Benjamin Publishing Company.
28. Freeman, Derek, J. (1970). Report on Iban. Monographs on Social Anthropologi. No 41, London School Economics, London : Athlone Press.
29. Muhamad Fadzllah Hj Zaini. (2015). *Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna Dalam Pantun Melayu : Satu Tinjauan Awal*. Akademi Pengajian Bahasa,UiTM Shah Alam, Selangor.
30. Sandin, B. (1980). *Iban Adat and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
31. James Jemut Masing. (1989). Iban and Their Symbols (Language and Oral Tradition.Sarawak Museum Journal. Vol XL (61), 59-68.

- 
32. Steven Beti Anom. (2014). *Iban Culture & Tradistions: The Pillars of The Community's Strength*. Perpustakaan Negara Malaysia.
  33. Asmah Haji Omar. (2012). Kosmos dalam Cerita Rakyat Iban. Ucap Utama, Simposium Bahasa dan Budaya Iban, Foklor Borneo Kalimantan.
  34. Xu Yang. (2015). A Cognitive Poetic Approach to the Function of Metaphor. *Advances in Literary Study*. (3)84–88.